




Pekerja ladang meninggal dunia selepas tiga hari dipijak gajah liar

Oleh **TN Alagesh** - Julai 9, 2022 @ 2:19pm

bhnews@bh.com.my



Pekerja ladang yang dirawat di hospital selepas dipijak gajah liar di Ladang Semantan dekat Mentakab, di sini pada 5 Julai, meninggal dunia, semalam. -- Foto hiasan NSTP/Ghazali Kori

TEMERLOH: Seorang pekerja ladang yang dirawat di hospital kerana patah buku lali kiri, selepas dipijak gajah liar di Ladang Semantan dekat Mentakab, di sini Selasa lalu, meninggal dunia, semalam.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Pahang, Rozidan Md Yasin, berkata mangsa berusia 55 tahun meninggal dunia di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah di sini, kira-kira 1.20 pagi, semalam.

"Mangsa dibawa ke hospital pada Selasa dengan patah pada buku lali kiri dan beberapa luka akibat serangan gajah itu. PERHILITAN sedang menunggu laporan terperinci daripada hospital mengenai punca kematian," katanya hari ini.

Kejadian itu berlaku Selasa lalu ketika mangsa yang juga pekerja ladang dipercayai berjalan bersendirian ke tempat kerja kira-kira jam 8 pagi.

Selepas serangan, mangsa yang terbaring menghubungi penyeliannya untuk mendapatkan bantuan, sebelum dikejarkan ke hospital.

Rozidan dilaporkan berkata, renjer PERHILITAN dimaklumkan kira-kira jam 4 petang Selasa lalu, sebelum anggotanya bergegas ke tempat kejadian dan menemui kesan tapak kaki gajah di kawasan itu.

Difahamkan, mangsa yang bersendirian ketika serangan itu, pengsan di tempat kejadian dan tidak sedarkan diri.

Kumpulan gajah itu dipercayai tujuh ekor.

Sementara itu, penyelia ladang yang enggan namanya dikenali, berkata pencerobohan gajah biasa berlaku di kawasan bersempadan dengan Hutan Simpan Kemasu, namun tiada sebarang serangan terhadap manusia sebelum ini.

"Kebiasaannya gajah liar masuk mencari makanan dan merosakkan pokok kelapa sawit, sebelum kembali ke hutan. Tiada serangan gajah terhadap manusia dilaporkan dan serangan ini kejadian pertama dalam tempoh beberapa dekad.

"Pengurusan ladang sebelum ini sudah menggali parit dalam untuk menghalang gajah daripada menceroboh ladang dan sebaik kerja siap, tindakan seterusnya memasang pagar elektrik di sekeliling perimeter," katanya.

Katanya, mangsa yang meninggal dunia sudah bekerja di ladang itu selama lapan tahun.